

## PLATFORM BAHAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB INTERAKTIF DALAM PROSES P&P: KAJIAN AWAL KEPERLUAN DI USIM

### [INTERACTIVE LEARNING ARABIC MATERIALS PLATFORM IN T&L PROCESS: A PRELIMINARY STUDY AT USIM]

AZLAN SHAIFUL BAHARUM<sup>1\*</sup>, UMMU-HANI ABAS<sup>2</sup>,  
AHMAD ASYRAF MAT ALI<sup>3</sup>, MOHD NASER MOHD SABRI<sup>4</sup>,  
MOHAMAD HAZWAN ABDUL RAHMAN<sup>5</sup>, MOHAMAD SHUKRI YAZID<sup>6</sup>

#### Abstrak

Para pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) wajib mempelajari kemahiran bahasa Arab terutama sekali kemahiran bertutur. Ia merupakan sebahagian daripada silibus dan modul dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi bahasa Arab dengan fasih dan lancar. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan awal berkenaan platform pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab interaktif dan efektif yang boleh menjadi nilai tambah dalam menguasai kemahiran tersebut. Ia direka bentuk bertujuan untuk menyediakan satu platform sehenti (*one-stop Centre*) digital yang mengumpulkan pelbagai laman sesawang dan kamus elektronik yang mudah di akses, interaktif dan berkesan berdasarkan keutamaan kendiri (*self-preference*) dan ia juga bersifat mesra pengguna (*self-explanatory* dan *self-delivery*) di mana pelajar dapat melakukan pembelajaran kendiri dengan hanya berpandukan kepada penerangan dan petunjuk daripada arahan-arahan dalam platform yang disediakan. Soalan kaji selidik ringkas melibatkan 647 orang responden yang merupakan pelajar Pusat Tamhidi yang terdiri daripada pelbagai program yang ditawarkan. Hasil dapatan dalam kajian awal mendapati responden sangat optimis dengan platform digital ini. Ia bakal memberi impak yang signifikan kepada para pelajar, pensyarah, Pusat Tamhidi dan kepada USIM secara menyeluruh. Ini kerana ia menyediakan satu nilai tambah dalam mengukuhkan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar Pusat Tamhidi, USIM. Justeru, diharapkan kajian ini dapat menjadi permulaan yang baik bagi mewujudkan platform pertama seumpamanya. Ia mengumpulkan semua laman sesawang dan aplikasi belajar bahasa arab yang sistematik berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan para pelajar itu sendiri. Ini penting untuk menaikkan semangat dan keyakinan pelajar Pusat Tamhidi USIM untuk menguasai pelbagai kemahiran bahasa Arab terutamanya kemahiran bertutur.

**Kata kunci:** Analisis Keperluan, Platform Interaktif, Pembelajaran, Bahasa Arab, USIM

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

23456 Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

**Corresponding Author:**

AZLAN SHAIFUL BAHARUM. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. Email: azlan\_arab@usim.edu.my

## Abstract

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mandates that all its students acquire proficiency in speaking Arabic. It is covered in the curriculum and module on developing fluent Arabic communication skills. This study was designed to assess the effectiveness of Arabic language teaching platforms that could be used to improve Arabic skills. This platform will provide a digital platform that collects a list of interactive and effective Arabic language learning websites, online dictionaries that are based on students' personal interests and are also easy to use (Self-Explanatory and Self-delivery). A brief survey was completed by 647 Tamhidi Centre students from various programs. The preliminary study's findings revealed that respondents were optimistic about this digital platform. It will have a significant impact on students, lecturers, the Tamhidi Centre, and USIM as whole because it adds value to strengthening speaking skills among Tamhidi Centre students and USIM. As a result, it is hoped that this study will serve as a good starting point for developing the first platform for collecting all structured and systematic Arabic language learning websites and applications based on the students' Arabic language proficiency. It is very important to increase the students of Tamhidi Centre confidence level in Arabic language skills especially the speaking skill.

**Keyword:** Need analysis, Interactive Platform, Learning, Arabic Language, USIM

**Cite This Article:** Azlan Shaiful Baharum, Ummu-Hani Abas, Ahmad Asyraf Mat Ali, Mohd Naser Mohd Sabri, Mohamad Hazwan Abdul Rahman, Mohamad Shukri Yazid. 2023. Platform Bahan Pembelajaran Bahasa Arab Interaktif dalam Proses P&P: Kajian Awal Keperluan di USIM [Interactive Learning Arabic Materials Platform in T&L Process: A Preliminary Study At USIM]. *Asian Journal of Civilization Studies. (AJOCS)*, 5(1) 17-28.

## PENGENALAN

Pelaksanaan Pelan Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa fasa oleh kerajaan Malaysia bagi mengekang penularan COVID'19 pada tahun 2020 hingga 2021 memberi impak yang sangat besar kepada semua Institusi Pendidikan (Mohd Fairuz Jaafar, 2020) dalam mengubah landskap pendidikan negara. Pembelajaran bersemuka tidak lagi dapat dilaksanakan pada ketika itu sebaliknya dilakukan secara dalam talian sepenuhnya untuk beberapa tempoh waktu dan fasa. Walau bagaimanapun pembelajaran secara dalam talian ini sedikit sebanyak menjadi halangan antara guru dan pelajar untuk bersemuka dan mencapai matlamat penyampaian ilmu, kerana terdapat banyak limitasi dan halangan dalam aktiviti pembelajaran yang tidak dapat dilaksanakan ekoran keterbatasan komunikasi secara terus dan berkesan.

Dalam konteks ini, keperluan kepada bahan pembelajaran digital tambahan amat diperlukan bagi menampung kekurangan aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka atau dalam talian. Sarjana barat Ulishchenko (2016) berpandangan pembelajaran kendiri dalam fasa COVID'19 tempoh hari adalah sesuai dan bermanfaat pada ketika itu dan berlanjutan hingga kini, memandangkan guru dan pelajar tidak dapat bertemu ekoran daripada pelaksanaan PKP bagi mengekang penularan virus, kerana dalam konsep pembelajaran ini, pelajar adalah sebagai agent utama dalam kaedah pembelajaran yang diatur sendiri. Lanjutan itu sebahagian mereka sudah selesa dan ingin meneruskan pembelajaran secara dalam talian.

Begitu juga kursus-kursus di Pusat Tamhidi menerima impaknya. Sebagai tumpuan, bahasa Arab merupakan kursus wajib pusat (KWP) yang wajib dipelajari oleh semua pelajar Pusat Tamhidi. Terdapat 6 kursus Bahasa Arab yang ditawarkan di Pusat Tamhidi iaitu:

- a. Al-Lughah Al-Arabiyyah Lil Muhadathah (TLA0112)
- b. Al-Lughah Al-Arabiyyah Lil Ittisal (TLA0122)
- c. Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Ittisoliyyah Al-Ula (TLA0713)
- d. Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Ittisoliyyah Al-Thaniah (TLA0723)
- e. Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Kitabiyyah Al-Ula (TLA0812)
- f. Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Kitabiyyah Al-Thaniah (TLA0823)

Semua kursus ini direka bentuk berdasarkan empat kemahiran Bahasa di mana kursus Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Ittisoliyyah Al-Ula (TLA0713) dan Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Ittisoliyyah Al-Thaniah (TLA0723) memberi penekanan lebih kepada kemahiran mendengar dan bertutur, Manakala kursus Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Kitabiyyah Al-Ula (TLA0812) dan Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Kitabiyyah Al-Thaniah (TLA0823) pula menekankan kemahiran membaca dan menulis. Keempat-empat kursus ini diajar kepada pelajar Tamhidi Perakaunan dan Muamalat dan Tamhidi Syariah dan Undang-undang.

Sementara itu, kursus Al-Lughah Al-Arabiyyah Lil Muhadathah (TLA0112) dan Al-Lughah Al-Arabiyyah Lil Ittisal (TLA0122) yang dipelajari oleh pelajar Tamhidi Sains Fizikal dan Tamhidi Perubatan, Pergigian dan Sains memuatkan semua kemahiran bahasa di dalamnya secara seimbang. Pembelajaran Bahasa di Pusat Tamhidi dilaksanakan secara bersempua selama 2 jam di dalam kelas tutorial yang memuatkan bilangan sebanyak 15-20 pelajar. Sejak penularan virus COVID'19, landskap pembelajaran berubah (Muaz Bambang Erman, 2022).

Dalam mandat pembelajaran dan pengajaran 4.0 oleh Menteri Pendidikan pada 2018 menekankan tiga kaedah pembelajaran utama yang perlu diterapkan dalam PDP 4.0 iaitu *heutagogy* (pembelajaran ditentukan oleh pelajar), *paragogy* (pembelajaran bersama rakan) dan *cybergogy* (pembelajaran secara maya/ dalam talian). (Maizatul, 2018; Nor Azma, 2018). Penerapan kaedah-kaedah ini amat sesuai dilaksanakan semasa fasa PKP di mana pada waktu ini pembelajaran dalam talian dilaksanakan dengan menyeluruh. Menurut Marcut (2018), Kaedah Heutogogi ialah satu pendekatan pengajaran dan pembelajarannya bersifat kendiri, holistik, serta berpusatkan pelajar.

Bahkan dengan wujudnya teknologi moden dan peralatan canggih dapat membantu pelajar melakukan pembelajaran dengan lebih menarik, interaktif dan mudah bilamana konsep ini digabung jalinkan dengan penggunaan teknologi. Ini disebut sebagai *Heutagogi-mediamorphosis*. Ianya juga sebagai alternatif pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kemampuan diri pelajar bermula daripada pedagogi, andragogi kepada heutagogi (Hase & Kenyon, 2001).

Sejajar dengan itu, pengadaptasian teknologi baharu ini juga selari dengan keperluan generasi muda yang inginkan segalanya cepat, mudah untuk diakses dan boleh diperoleh secara percuma. Sebagai contoh, perkongsian berita atau cerita mengenai diri sendiri di media sosial, *Facebook*, *twitter*, *Instagram*, *WhatsApp* dan *YouTube* (Hisham et al., 2020). Selain itu, *mediamorphosis* yang melibatkan laman sesawang sosial ini dijadikan medium untuk manusia berkomunikasi antara satu sama lain dan ianya fitrah dalam interaksi sosial (Rosmawati, 2012).

Oleh yang demikian, keperluan kepada bahan pembelajaran tambahan digital berasaskan teknologi baharu seperti laman sesawang yang boleh diakses pada setiap masa dan di mana sahaja secara kendiri adalah sangat dihajati oleh pelajar bagi membantu proses pembelajaran bahasa dengan lebih pantas dan mudah. Kajian ini bertujuan mengumpulkan bahan-bahan rujukan digital Bahasa Arab yang wujud secara bertaburan dan berasingan dalam pelbagai bentuk dalam satu platform bagi tujuan pembelajaran bahasa.

## **MASALAH KAJIAN**

Berdasarkan kajian lepas yang pernah dijalankan ke atas pelajar-pelajar di Pusat Tamhidi mendapati bahawa tahap penguasaan kosa kata mereka hanyalah pada tahap sederhana dan hanya bergantung pada apa yang diberikan di dalam kelas sahaja (Mohamad Hazwan & Azlan, 2021). Tanpa penguasaan kosa kata yang baik kemahiran bertutur mereka juga akan berada di tahap yang rendah. Oleh itu, penggunaan teknologi dalam P&P pada masa kini amat diperlukan bagi meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap pelajaran selain mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Mohammad

Najib & Aiman (2016) berpendapat kaedah ini membolehkan individu mengikuti sesi pembelajaran secara lebih terbuka dan bebas berdasarkan keinginan dan keupayaan sendiri tanpa perlu mengikuti jadual atau menghadiri kelas yang ditetapkan. Namun begitu masih belum ada sebarang platform yang mengumpulkan semua bahan pembelajaran bahasa Arab secara sistematik dan interaktif untuk digunakan oleh pelajar di Pusat Tamhidi. Oleh itu, platform yang sesuai dan menarik perlu dibangunkan bagi meningkatkan kemahiran bahasa Arab mereka selain pembelajaran bersemuka di dalam kelas.

Menurut Siti Azah Afizah (2022), pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dalam sistem pendidikan Malaysia memerlukan strategi yang berkesan. Strategi pembelajaran yang kurang berkesan dan tidak pelbagai serta tidak interaktif menyebabkan pelajar kurang bermotivasi untuk menguasai kemahiran bahasa Arab sekali gus tidak dapat mengembangkan potensi penguasaan bahasa yang lebih baik. Oleh yang demikian, bahan rujukan yang interaktif amat diperlukan untuk menangani masalah ini.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mencetuskan idea untuk mereka bentuk satu aplikasi iaitu Platform I-Minassah. Ia dibangunkan untuk menyediakan platform digital khas yang mudah diakses, interaktif, berkesan dan mesra pengguna yang dapat memenuhi objektif berikut:

### **Mengumpulkan laman sesawang pembelajaran Bahasa Arab**

Terdapat beraneka jenis laman sesawang bagi pembelajaran Bahasa Arab yang mempunyai pelbagai fokus dan pendekatan. Ada juga yang dibina secara sistematik dan sebaliknya. Ekoran lambakan kepelbaaan ini, wujud kesulitan bagi pelajar untuk mencari laman sesawang terbaik yang dapat memenuhi keperluan mereka sebagai pelajar. Mereka juga tidak mengetahui skop apa yang perlu difokuskan terlebih dahulu. Dengan wujudnya platform khas ini dapat

membantu mereka meneroka bidang Bahasa Arab dengan yakin dan secara sistematik walaupun penerokaan secara bersendirian.

### **Menyediakan pelbagai kamus digital serta aplikasi android boleh dimuat turun aplikasinya.**

Letusan teknologi android memberi impak positif kepada dunia perkamusan di mana ia mengalami perubahan drastik daripada bentuk bercetak kepada digital. Perubahan ini adalah satu keperluan di mana ia dapat memenuhi kehendak manusia yang inginkan kemudahan dan kepentasan dalam pencarian maklumat khususnya yang berkaitan dengan perkataan. Hasilnya, pelajar tidak lagi perlu membawa kamus tebal dan membeleknya untuk mencari perkataan yang diinginkan. Proses ini mengambil masa yang panjang tambahan pula kamus Bahasa Arab memerlukan pencarian kata akar bagi mencari makna perkataan. Dengan adanya kajian berkenaan platform digital ini, pencarian perkataan menjadi lebih pantas dan mudah.

### **Menyediakan bahan bantuan untuk teknik sebutan dan perletakan baris bagi perkataan bahasa Arab**

Antara kekurangan kamus bercetak ialah tiada fungsi sebutan dan peletakan baris secara automatik. Ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pembelajaran Bahasa Arab di mana pelajar tidak dapat mengetahui sebutan yang betul serta berhadapan dengan kesukaran masalah meletakkan baris perkataan. Justeru, pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan dalam sebutan perkataan ini akan merasa segan dan malu untuk bertutur kerana dikhuatiri sebutannya salah dan silap. Sikap ini membantutkan proses pembelajaran pelajar itu sendiri. Oleh itu, sebagai penyelesaiannya, beberapa laman sesawang yang mempunyai khidmat ini, telah dikumpulkan di bawah satu platform bagi memudahkan capaian pelajar ketika mana mereka memerlukannya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan awal penggunaan laman web pembelajaran interaktif yang dinamakan sebagai i-Minassah dalam kalangan pelajar Pusat Tamhidi, USIM. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (Creswell, 2011).

Sampel kajian adalah terdiri daripada 647 orang pelajar dari empat program pengajian yang berbeza iaitu Tamhidi Perubatan, Pergigian dan Sains, Tamhidi Sains Fizikal dan Teknologi, Tamhidi Syariah dan Undang-Undang, dan Tamhidi Perakaunan dan Muamalat yang telah mendaftar kursus bahasa Arab pada Semester 2 Sesi 2021/2022.

Instrumen soal selidik digunakan untuk melihat keperluan penggunaan laman web sebagai platform yang menyokong aktiviti pembelajaran bahasa Arab pelajar. Instrumen soal selidik ini mengandungi lima item yang terdiri dari empat soalan tertutup (*close ended question*) dan satu soalan terbuka (*open ended question*) dan diedarkan melalui *Google Form* secara rawak kepada pelajar. Hasil daripada maklum balas pelajar dibincangkan dalam topik dapatan kajian.

## **KAJIAN LITERATUR**

Perkembangan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia amat luas sejak ia diperkenalkan dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah. Siti Ilham Muhammad (2018) menyatakan apabila membincangkan tentang bahasa, sudah tentu kita akan memikirkan kesukaran untuk mempelajarinya dan akan berusaha untuk memikirkan strategi terbaik untuk menguasai empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran bertutur, mendengar, menulis dan membaca. Kelemahan ini akan menjadi hujah tentang kelemahan pelajar yang bakal dilahirkan dan bakal bergraduasi kelak, akan keluar ke pasaran pekerjaan.

Manakala Nur Nabilatulhuda (2022) menyebut bahawa bahasa adalah unsur yang penting dalam kehidupan manusia. Kejayaan pengajaran bahasa bergantung kepada tiga unsur utama, iaitu guru, pelajar dan bahan pengajaran. Kreativiti menggunakan bahan mengajar dan tekniknya memainkan peranan yang besar dalam proses tersebut. Ia juga akan memberikan kesan kepada keberkesanannya proses PdP yang dilalui. Ia juga menarik perhatian pelajar untuk menguasai pengajaran bahasa juga.

Menurut Nurul Mawardah (2022) pula, fasih berbahasa Arab memberikan kelebihan kepada pelajar untuk menguasai lebih dari satu bahasa (multilingual). Mereka lebih peka dan mampu mencipta peluang dalam kehidupan mereka. Penggunaan teknologi walaupun masih kurang dalam bidang akademik, tetapi ia semakin meningkat. Ini penting untuk memantapkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan mereka.

Di samping itu, kemahiran bahasa Arab terbahagi kepada empat kemahiran, iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Menurut Mohamad Loqman Ibrahim (2019) kemahiran menulis adalah satu kemahiran yang mesti dikuasai oleh pelajar kerana ia penting untuk mencatat idea pemikiran pelajar memperbaiki gaya bahasa Arab dalam penulisan mereka. Faktor alat bantu mengajar dan bahan-bahan sokongan yang mencukupi juga amat membantu meningkatkan kemahiran mereka.

Nur Alyaa Zikra (2021) pula menyatakan bahasa Arab telah lama diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Pengajaran bahasa Arab di Malaysia telah melatakan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa, antaranya membaca dan menulis. Penggunaan teknik dan platform yang sesuai akan memudahkan kefahaman pelajar di samping memaksimumkan kemahiran yang diperoleh.

Kemahiran penulisan sebagai contohnya merupakan asas penting dalam pembelajaran bahasa Arab (Nur Shahirah, 2021). Ini kerana ia menonjolkan kemampuan individu dalam menguasai bahasa asing. Strategi pembelajaran bahasa yang betul dan teknik yang sesuai serta menarik membantu mereka untuk lebih cepat mempelajari sesuatu ilmu.

### **Strategi pembelajaran kosa kata**

Menurut Mohamad Hazwan (2018) mempelajari kosa kata yang pelbagai merupakan asas yang penting dalam mempelajari bahasa ibunda, bahasa kedua atau bahasa asing. Apatah lagi dalam mempelajari bahasa Arab. Kemahiran menguasai kosa kata juga berkait rapat dengan kemahiran berkomunikasi. Sumber perolehan kosa kata dari pelbagai sumber rujukan dan platform yang mencukupi juga memainkan peranan besar dalam menguasai sesuatu bahasa itu.

Noormizati Adenan (2021) pula berpandangan strategi pembelajaran kosa kata menuntut kesungguhan individu dalam proses mempelajarinya terutama bagi bukan penutur jati sesuatu bahasa khususnya bahasa Arab. Oleh itu hubung kait di antara pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati dan strategi yang digunakan amat penting untuk dikaji dan difahami.

### **Bahan bantu mengajar dan platform digital bahasa Arab**

Menurut Muaz Bambang Erman (2022), susulan berlakunya pandemik Covid 19 dan arahan PKP semua proses pembelajaran dan pengajaran mesti dijalankan secara dalam talian, tidak terkecuali bahasa Arab. Oleh itu pembelajaran secara dalam talian telah menjadi satu fenomena penting dalam Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Ia telah mengubah banyak landskap pembelajaran bahasa Arab pada masa kini.

Amani Abdul Hai (2021) menyatakan Revolusi Industri IR 4.0 banyak mengubah landskap dunia termasuk menyediakan suasana pembelajaran yang interaktif yang mana ia keluar dari kepompong pembelajaran secara konvensional ke arah alam pembelajaran yang lebih menarik dan kreatif termasuklah pembelajaran bahasa Arab. Ia selari dengan perkembangan penggunaan bahasa Arab di Malaysia. Di samping itu penggunaan internet dan platform digital amat membantu pelajar pada masa kini.

### **Kepelbagaiannya bahasan pembelajaran konvensional**

Masrur Ibrahim (2021) menyatakan pembelajaran kemahiran bahasa dan tatabahasa Arab memerlukan rangsangan dan motivasi yang baik terutama penggunaan teknik pengajaran yang moden dan baik. Ia penting bagi meningkatkan kualiti kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar.

Menurut Nur Shahirah Omar (2021), buku teks merupakan bahan terpenting dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab sejak zaman dahulu. Pelajar dan guru akan menggunakan buku teks untuk meningkatkan kefahaman dan motivasi mempelajari kemahiran bahasa yang asas.

### **Motivasi pembelajaran bahasa**

Motivasi dan dorongan amat penting dalam pembelajaran bahasa Arab. Pembelajaran bahasa kedua banyak diberikan perhatian semasa fasa tahun 1990-an. Ia boleh jadi sesuatu yg positif atau negatif. Faktor dorongan ini boleh terbentuk dari dalaman atau luaran. Ia sangat berkaitan dengan sikap individu dan persekitaran serta teknik dan strategi pembelajaran itu sendiri.

Menurut Ain Sofia Mohamad Ariffin (2023) salah satu isu yang dapat dilihat daripada keadaan semasa pembelajaran bahasa Arab ialah keyakinan diri mempunyai kaitan dengan kemahiran pelajar dalam bahasa Arab. Justeru, pelajar perlu membina keyakinan diri untuk berucap menggunakan bahasa Arab dengan yakin. Penyediaan platform digital di mana pelajar boleh berinteraksi dengan penutur dari negara-negara Arab amat diharapkan. Ia dapat membantu dan menyumbang kepada keupayaan pelajar untuk mengembangkan keyakinan diri dalam kemahiran bertutur bahasa Arab bagi pelajar pada masa akan datang.

Selain itu, menurut Muhammad Lutfirahman (2023), kajian mendapati bahawa kemahiran membaca teks Arab tanpa baris adalah sangat lemah dan perlu dipertingkatkan lagi. Kemahiran ini amat penting untuk masa depan menguasai kemahiran bahasa Arab. Ini penting bg meningkatkan penguasaan pelajar tahun tiga membaca teks Arab tanpa baris, mengenal pasti kesilapan membaca teks Arab tanpa baris, dan mengetahui kepentingan penguasaan membaca teks Arab tanpa baris.

## DAPATAN KAJIAN

Soalan	YA	TIDAK
1. Adakah anda meminati pembelajaran kendiri (self-learning)?	70%	30%
2. Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan platform dalam talian dapat meningkatkan Kemahiran Bertutur bahasa Arab anda?	72%	28%
3. Adakah anda memerlukan satu platform digital (one-stop centre) yang mengumpulkan senarai laman sesawang dan kamus online yang mudah diakses, interaktif dan berkesan?	99%	1%
4. Adakah anda memerlukan penerangan dan ulasan lengkap berkenaan sesuatu laman sesawang / aplikasi android sebelum menggunakan untuk tujuan pembelajaran?	91%	9%

Jadual 1: Tinjauan awal keperluan Platform Bahan Pembelajaran bahasa Arab

Berdasarkan jadual di atas, terdapat empat soalan asas yang dikemukakan kepada responden kajian sebagai kajian tinjauan awal sahaja berkenaan pembelajaran kendiri, penggunaan platform atas talian, keperluan satu platform digital dan keperluan ulasan lengkap terhadap sesuatu aplikasi dan laman sesawang.

Bagi soalan satu, kajian mendapati bahawa 453 orang (70%) daripada responden kajian bersetuju bahawa mereka meminati pembelajaran kendiri manakala seramai 197 orang (30%) lagi daripada responden tidak bersetuju dengan pernyataan berkenaan. Manakala soalan dua berkenaan penggunaan platform dalam talian dapat meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab, seramai 466 orang (72%) daripada responden bersetuju dengan pernyataan berkenaan manakala seramai 181 orang responden (28%) tidak bersetuju dengan pandangan tersebut.

Selain itu, soalan tiga berkenaan dengan pandangan mereka sama ada mereka memerlukan satu platform digital (one-stop Centre) yang mengumpulkan senarai laman sesawang dan kamus online yang mudah diakses, interaktif dan berkesan atau tidak. Kajian mendapati bahawa seramai 641 orang responden (99%) bersetuju dengan pernyataan ini dan 6 orang responden sahaja (1%) tidak bersetuju berkenaan isu tersebut.

Akhir sekali soalan empat berkenaan isu keperluan penyediaan penerangan dan ulasan lengkap berkenaan sesuatu laman sesawang / aplikasi android sebelum menggunakan untuk tujuan pembelajaran. Kajian menunjukkan seramai 589 orang (91%) responden bersetuju

dengan isu tersebut, manakala seramai 58 orang sahaja (9%) responden yang tidak bersetuju untuk keperluan berkenaan.

## PERBINCANGAN

Keperluan Platform Bahan Pembelajaran bahasa Arab di Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia amat penting untuk meningkatkan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar pusat berkenaan. Keperluan mereka dilihat dalam empat aspek utama seperti mana yang dinyatakan dalam jadual analisis keperluan awal sebelum ini. Ini termasuklah sejauh mana kepentingan pembelajaran kendiri atau lebih dikenali sebagai *self-learning process* (SLP), penggunaan platform atas talian dalam meningkatkan Kemahiran Bertutur bahasa Arab.

Selain itu, keperluan satu platform digital (one-stop Centre) yang mengumpulkan senarai laman sesawang dan kamus online yang mudah diakses, interaktif dan berkesan juga dikenal pasti salah satu elemen penting dalam pembelajaran kendiri. Kajian juga menumpukan keperluan ulasan lengkap terhadap sesuatu aplikasi dan laman sesawang sebelum ia digunakan untuk tujuan pembelajaran kemahiran bahasa Arab di Pusat Tamhidi USIM.

Kebanyakan pelajar Tamhidi mereka meminati pembelajaran kendiri berdasarkan dapatan kajian di atas. Menurut Ahmad Zaki et.al. (2017) pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa ketiga lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti sepanjang proses pembelajaran dan pengajaran (PdP). Aktiviti-aktiviti PdP yang dirancang oleh para pengajar adalah untuk memastikan kemahiran-kemahiran bahasa yang empat, iaitu; kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan menulis diperoleh secara lebih efektif.

Penggunaan platform dalam talian dapat meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab. Ini bertepatan dengan pandangan Muhammad Firdaus et.al. (2013), pemanfaatan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) melibatkan semua bidang termasuk bidang bahasa dan ia turut melibatkan semua peringkat pendidikan di seluruh dunia. Ia juga berselari dengan pendapat responden yang mereka menyukai platform digital dan multimedia. Ia sangat membantu mereka dalam pelajaran kemahiran bahasa Arab.

Tambahan itu, para pelajar juga memerlukan satu platform digital (one-stop Centre) yang mengumpulkan senarai laman sesawang dan kamus online yang mudah diakses, interaktif dan berkesan atau tidak. Ini bertepatan dengan pandangan. Menurut Mohammad Najid Jaffar et.al. (2016), pembelajaran melalui laman web ialah pembelajaran secara elektronik atau dikenali sebagai e-Pembelajaran. Ia merupakan kombinasi antara elemen pendidikan dan teknologi elektronik. Kaedah ini membolehkan individu mengikuti sesi pembelajaran secara lebih terbuka dan bebas berdasarkan keinginan serta keupayaan sendiri tanpa perlu mengikuti jadual atau menghadiri kelas yang ditetapkan terutama dalam menguasai bahasa asing seperti bahasa Arab.

Akhirnya, isu keperluan penyediaan penerangan dan ulasan lengkap berkenaan sesuatu laman sesawang / aplikasi android sebelum menggunakan untuk tujuan pembelajaran juga perlu diperhalusi. Menurut Ibrahim Youssef Abdelhamid et.al (2018) pembangunan aplikasi android ini adalah bertujuan untuk membantu para guru dalam menyediakan BBM yang boleh digunakan dalam pengajaran bahasa Arab melalui pendekatan didik hibur yang berteraskan teknologi. Secara tidak langsung ia dapat mengatasi masalah bahan bantu mengajar yang berasaskan teknologi multimedia. Penggunaan aplikasi android yang digunakan ini lebih

sesuai dengan era yang berasaskan teknologi yang serba canggih, pendekatan sedemikian telah menunjukkan persepsi yang positif daripada tenaga pengajar bahasa Arab.

## PENUTUP DAN CADANGAN

Sebagai kesimpulan, penggunaan laman web i-Minassah dilihat menjadi satu keperluan kepada para pelajar Pusat Tamhidi sebagai alat bantu pembelajaran bahasa Arab. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pembelajaran secara maya (*Online Learning*) mendapatkan tempat di hati pelajar seiring dengan pendekatan norma baharu yang diamalkan semenjak pandemik Covid-19 melanda negara. Selain itu, pelajar sudah terbiasa dengan teknologi pembelajaran abad ke-21 kerana segala informasi dan maklumat berkaitan pembelajaran mudah diakses melalui rangkaian internet. Ini selari dengan saranan gagasan sistem pendidikan Malaysia iaitu mengglobalisasikan pembelajaran secara maya (*Globalized Online Learning*).

Oleh yang demikian, diharapkan lebih ramai pembangun aplikasi untuk menghasilkan lebih banyak perisian bahan digital bahasa Arab yang lebih mesra, interaktif dan mudah didapati melalui rangkaian internet. Tidak disangkal bahawa terdapat banyak aplikasi bahasa Arab di luar sana, namun begitu, tidak banyak aplikasi yang mesra kepada penutur bukan jati khususnya pelajar Melayu. Pembangunan bahan digital bahasa Arab ini perlu dibangunkan selari dengan keperluan dan kehendak pelajar Pusat Tamhidi USIM selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

## RUJUKAN

- Ahmad Zaki bin Amiruddin, Ahmed Thalal bin Hassan, Ahmad bin Abdul Rahman, Nor binti Abdul Rahman, Amanee binti Abdul Hai. (2017) *Aktiviti Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ketiga Di Universiti Malaysia Kelantan Menggunakan coanimate.com*. Prosiding Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusastraan Arab 2017 (SEMBARA 2017) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak. 28 Oktober 2017
- Ain Sofia Mohamad Ariffin. (2023). *Faaliyyat Atthiqah Bi Nafs Fi Maharatil Kalam Lada Tullab Sanah Thatlitah Di Jamiah Al 'ulum Al Islmaiyyah Al maliziyyah*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Amani Abdul Hai. (2021). *Athar Istikhdam Arrusum Almutahrrikah Fi Tanmiah Maharatil Kalam Fi Maddah Allughah Alarabiah*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Creswell, J. W. (2011). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Boston: Pearson Education.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2001). *Moving From Andragogy to Heutagogy: Implications For VET. Proceedings Of Research to Reality: Putting VET Research to Work*: Australian Vocational Education and Training Research Association (AVETRA), 28–30.
- Hisham, H. T., Ahmad, R., & Rafi, N. M. (2020). Media Tradisional Vs Media Sosial: Satu Tinjauan Terhadap Berita Harian social media And Its Impacts on Traditional Media: A Case Study on Berita Harian. 7, 132–145.
- Ibrahim Youssef Abdelhamid, Kaseh Abu Bakar, Suhaila Zailani Hj Ahmad, Hazrati Yahaya, Bashasunnahar Puasa. (2018). *Pembangunan Aplikasi Android Pembelajaran Asas*

- Bahasa Arab. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J). Volume 2(2) September 2018, 39-59.
- Jafar, Mohd Fairuz & Amran, Zetty & Faiz, Mohd & Mohd Yaakob, Mohd Faiz & Yusof, Mat & Awang, Hapini. (2020). *Kesediaan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID 19*.
- Marcut, I. G. (2018). Heutagogy – An Appropriate Framework for Computer Aided Learning Course with Post-Graduate Teacher Students.
- Maizatul Ranai (2018). 2018 Mandate: Embracing Industry 4.0. Retrieved 04/04/2018 from <http://News.Mohe.Gov.My/2018/01/27/2018-Mandate-Embracing-Industry-4-0>.
- Masrur Ibrahim. 2021. *Al-Akhta' Assorfiyyah Alkitabiah Fi Isti'mal Almusytaqqat Lada Attolabah Almaliziyyin*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mat, S. R., Sulaiman, S., Md Din, J., Mohamad, N. K., Mohd Noor, L., Arifin, A., Abdul Rahman, M. H., & Mohd Sabri, M. N. (2021). E-Learning Tools for Remote Learning Before and After Movement Control Order In Tamhidi Centre, Universiti Sains Islam Malaysia, USIM. *Ulum Islamiyyah*, 33(S4), 71-95. <https://Doi.Org/10.33102/Uij.Vol33nos4.417>
- Mohamad Hazwan A. Rahman & Azlan Shaiful Baharum. 2021. Mustawa Fahm al-Mufradat al-Lughawiyyah Laday Talabat al-Markaz al-Tamhidi bi Jami'ah al-'Ulum al-Islamiyyah al-Maliziyyah [The Understanding Levelof Arabic Vocabulary Among Students of Tamhidi Centre, Universiti Sains Islam Malaysia]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 1(1) ,98-110
- Mohammad Hazwan Abdul Rahman. 2018. *Mustawa Iktisab Al-Mufradat Allughwaiyyah Lada Tolabah Al Markaz Attamhidiy Bi Jamia'ah Al Ulum Al Islamiyyah Almaliziyyah*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohamad Loqman Ibrahim. 2019. *Al-Akhta' Fil Idofah Wa Assifah Fil Kitabah Arabiah Lada Tolabah Al-Maahad Addiniy Al-Islamiy Hulu Langat Fi Wilayati Selangor Malizia*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohammad Najib Jaffar & Aiman Sha'ari. 2016. *Penggunaan Lamanweb I-Majrurat Sebagai Alat Bantu Mengajar Tatabahasa Arab*. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies. Vol 3. Bil 1. Nilai: UFRC. P1-8.
- Mohd Firdaus Yahaya, Muhammad Sabri Sahrir , Mohd Shahrizal Nasir. (2013). *Pembangunan Laman Web EZ-Arabic Sebagai Alternatif Pembelajaran Maya Bahasa Arab bagi Pelajar Sekolah Rendah Malaysia*. Jurnal Teknologi (Social Sciences) UTM. 61:1 (2013) p.p. 11–18.
- Muaz Bambang Erman. 2022. *Fa'aliyyat Taallum Allughah Alarabiyyah Abral Internet Lada Tullab Assnah Athalithah Bikuliyyah Dirasat Allughat Arraisah*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Lutfirahman. (2023). Mustawa qiraah annusus al arabiyyah biduni assyakl lada *Lada Tullab Sanah Thatlitah fi Barnamaj Allughah Al Arabiyyah Wal Ittisolat bi Jamiah Al 'ulum Al Islmaiyyah Al maliziyyah* Tesis Sarjana Muda. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nur Alyaa Zikra Abdullah. 2021. *Itqan Mawad Alqiraah Al Arabiyyahlada Tolabah Assanah Athalithah Fi Kuliyyah Dirasat Allughah Arraisah USIM*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Sains Islam Malaysia.

Nur Shahirah Mohd Surbani. 2021. *Fai'iliyyah Istratijyyat Taalum Kitabah Alhamazat Abral Khoraoit Azzihniyyah Lada Tolabah Madrasah Sungai Merab Luar Atthanawiyyah Addiniyyahh: Dirasah Wasfiyyah Tahliliyyah*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Islam Malaysia.

Siti Azah Afizah Mohd Lokman. 2022. *Ara' Tullab Almadrasah Atthanawiyyah Fi Daft'iyat Taallum Allughah Alaraboah Fil Maahad Almuhammady Pasir Pekan fi Wilayati Kelantan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Sains Islam Malaysia.